



## KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada syarikat yang masih sah berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan serta yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi melaksanakan kerja-kerja seperti yang berikut:-

BIL.	BUTIR-BUTIR TENDER	KOD BIDANG/ KELAYAKAN	TARIKH DAN HARGA DOKUMEN TENDER	WAKTU URUSAN DAN TEMPAT DOKUMEN DIJUAL
1.	<p><b><u>NO. TENDER</u></b> T0001/21</p> <p><b><u>NO. RUJUKAN</u></b> B8/2/10/09 JLD.4</p> <p><b><u>TAJUK</u></b> PERKHIDMATAN MENCETAK, MEMBEKAL DAN MENGEPOS BIL CUKAI TAKSIR, NOTIS E, NOTIS PINDAAN B &amp; C DAN BIL CUKAI TAKSIR SELEPAS NOTIS PINDAAN B &amp; C.</p>	<p><b><u>(BUMIPUTERA)</u></b> BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA</p> <p><b><u>KOD BIDANG</u></b> <b>221606</b> : MENCETAK BORANG/KERTAS KOMPUTER (PERLU LESEN KDN) DAN <b>221710</b> : PERKHIDMATAN MEL PUKAL</p>	<p><b><u>TARIKH DOKUMEN DIJUAL</u></b> <b>29 JANUARI 2021</b> <b>(JUMAAT)</b> <b>HINGGA</b> <b>22 FEBRUARI 2021</b> <b>(ISNIN)</b></p> <p><b><u>TARIKH TUTUP TENDER</u></b> <b>23 FEBRUARI 2021</b> <b>(SELASA)</b></p> <p><b><u>HARGA DOKUMEN</u></b> <b>RM50.00</b> (TIDAK DIKEMBALIKAN)</p>	<p><b><u>WAKTU URUSAN</u></b> <b>ISNIN - JUMAAT</b> <b>9:00 PAGI – 12:00</b> <b>TENGAH HARI</b></p> <p><b><u>TEMPAT DOKUMEN DIJUAL</u></b> KAUNTER BAYARAN (NO. 7) MAJLIS BANDARAYA IPOH</p>

2. Satu salinan 'Naskah Meja Dokumen Tender' akan dipamerkan di Kaunter Pembayaran MBI Greentown (**Kaunter No. 7**) mulai **29 Januari 2021** dari jam 9:00 pagi hingga 12:00 tengah hari bagi membolehkan petender menyemak dokumen tender tersebut sebelum membuat pembelian.


3. Sekiranya petender tidak berdaftar dengan Majlis Bandaraya Ipoh, dikehendaki berdaftar terlebih dahulu dengan kadar yang telah ditetapkan. Pembayaran bagi pembelian dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk Deraf Bank/Kiriman Wang/Wang Pos atas nama **MAJLIS BANDARAYA IPOH** dan bayaran ini tidak akan dikembalikan. Dokumen Tender hanya dijual kepada syarikat atau wakil yang sah sahaja dengan menunjukkan **sijil asal Sijil Kementerian Kewangan Malaysia (KKM), 3 bulan sebelum tamat tempoh** berserta satu salinan sijil tersebut dan Surat Wakil bagi bukan pemegang asal sijil.


4. Semua dokumen tender mestilah dikemukakan dalam sampul surat berlakri dan ditulis tajuk dan nombor tender berkenaan di penjurong kiri dan dialamatkan kepada **Datuk Bandar, Majlis Bandaraya Ipoh, Jalan Sultan Abdul Jalil, Greentown, 30450 Ipoh** dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender di Unit Perolehan, Tingkat 1, Bahagian Ukur Bahan & Perolehan, Majlis Bandaraya Ipoh**.

5. Petender tidak mempunyai sebarang tunggakan (**Cukai Taksiran/ Kompaun/ Sewaan/ Semak Samun/ pelbagai tunggakan lain**) dengan Majlis Bandaraya Ipoh. Sekiranya tunggakan ini dijelaskan sebelum atau dalam tempoh penjualan dokumen tender, kontraktor/ pembekal layak untuk menyertai tender ini.

6. Majlis Bandaraya Ipoh **tidak terikat** untuk menerima tawaran terendah ataupun sebarang tawaran. Pihak Majlis juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang dokumen tender yang tidak terdapat di dalam Peti Tender setelah Peti Tender dibuka.

7. Bukti penghantaran bukan bukti penerimaan dan keputusan Majlis Bandaraya Ipoh adalah muktamad. Sebarang rayuan atau surat menyurat adalah tidak dilayan.

  
HJH SAIDATUL AKMA BT JAMALUDIN, ACM.,AMP  
PENGARAH KANAN (KEWANGAN)  
MAJLIS BANDARAYA IPOH

  
SURIANI BINTI ISMAIL  
KETUA BAHAGIAN UKUR BAHAN  
MAJLIS BANDARAYA IPOH